

03/05/1997

Malaysia harap hubungan cemerlang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia percaya hubungan dua hala yang cemerlang dengan Britain akan berterusan walaupun negara itu bertukar kerajaan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Parti Buruh yang memenangi pilihan raya Britain semalam dan pemimpinnya, Tony Blair, yang dilantik sebagai Perdana Menteri baru, Anwar berkata:

"Kami mengalu-alukan keputusan rakyat Britain dan mengucapkan tahniah kepada Tony Blair kerana kejayaannya itu. Saya harap hubungan dua hala yang tertera akan berterusan.

"Saya percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengharapkan untuk dapat segera bertemu dengan Perdana Menteri, Tony Blair," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau mengulas kejayaan besar Blair dan Parti Buruh pimpinannya yang menamatkan pemerintahan 18 tahun Parti Konservatif di Britain.

Dr Mahathir yang kini dalam lawatan rasmi ke Afrika, dijadual melawat Britain lewat bulan ini untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan diwujudkan di negara ini.

Blair, 43, menjadi Perdana Menteri Britain paling muda dalam tempoh 185 tahun sejarah politik negara itu.

Parti Buruh memenangi pilihan raya Britain dengan majoriti mutlak dalam Dewan Perwakilan Britain yang mempunyai 659 kerusi, menewaskan Parti Konservatif.

Hubungan Malaysia dengan Britain ketika di bawah pemerintahan John Major dianggap kurang mesra.

Pada 1994, Malaysia mengenakan larangan kontrak tujuh bulan ke atas firma Britain berikutan dakwaan media dan Parlimen British yang perdagangan dua hala itu dicemari rasuah.

(END)